



15 MAY, 2022

## Harga durian dijangka naik

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Harga durian dijangka naik

Kenaikan itu disebabkan kos baja yang meningkat, selain masalah kekurangan pekerja di ladang

JASIN

**H**arga jualan durian pada musim kali ini dijangka meningkat sekali ganda disebabkan hasil berkurangan berbanding tahun sebelum ini namun permintaan tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penggemar durian di negara ini perlu bersedia dengan kemungkinan kenaikan yang tidak dapat dielakkan kerana beberapa faktor termasuk cuaca hujan berpanjangan hingga memberi impak kepada pengeluaran durian.

Menurutnya, kenaikan dari

RM30 hingga RM40 sekilogram bagi durian musang king kepada RM60 hingga RM80 sekilogram itu juga disebabkan kos baja yang meningkat, selain masalah kekurangan pekerja di ladang.

Katanya, berdasarkan maklum balas persatuan penanaman-penanaman durian telah memberi bayangan mengenai kenaikan tersebut terutama durian popular seperti musang king dan durian duri hitam.

"Persatuan memaklumkan akan menaikkan harga durian tapi kita tidak tahu berapa.

"Ada negeri-negeri yang melaporkan lebih 50 peratus kekurangan durian disebabkan cuaca.

"Jadi, ia memberi kesan kepada pembungaan, bahkan pengebungan kerana apabila hujan lebat akan menyebabkan bunga berguguran, sebab itu dijangka pengeluaran berkurangan," katanya.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Rumah



Ahmad (tengah) melayani orang ramai yang datang ke Majlis Rumah Terbuka Ahli Parlimen Jasin dan MAFI di Umbai pada Sabtu.

Terbuka Ahli Parlimen Jasin dan MAFI di Umbai di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Mengulas lanjut, ada ahli persatuan itu yang memberi gambaran bahawa kenaikan tersebut boleh mencecah sehingga RM100 sekilogram.

"Walaupun buah-buahan tiada harga kawalan tapi kita janganlah membebaskan pengguna pada harga tinggi," katanya.

Dalam perkembangan lain,

Ahmad berkata, kelainan majlis rumah terbuka kali ini apabila turut mempromosikan buah-buahan tempatan seperti manggis, jambu batu, rambutan, nangka madu dan sebagainya.

"Jadi, itu matlamat kita memperkenalkan buah-buahan tempatan kerana buah-buahan kita juga berkhasiat," katanya.



15 MAY, 2022

## Harga durian dijangka naik

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kenaikan itu disebabkan kos baja yang meningkat, selain masalah kekurangan pekerja di ladang. Harga jualan durian pada musim kali ini dijangka meningkat sekali ganda disebabkan hasil berkurangan berbanding tahun sebelum ini namun permintaan tinggi. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penggemar durian di negara ini perlu bersedia dengan kemungkinan kenaikan yang tidak dapat dielakkan kerana beberapa faktor termasuk cuaca hujan berpanjangan hingga memberi impak kepada pengeluaran durian.